

Ketegasan Tun Dr Ismail

BH 15.07.77 M/S 11

Bukan Kerana Pangkat biografi pertama iktiraf

BAGI kebanyakan rakyat Malaysia khususnya generasi muda, nama Tun Dr Ismail Abdul Rahman amat kabur dalam ingatan mereka kerana nama itu hanya sempat meninggalkan sedikit kenangan sebagai pemimpin dan ter-lalu awal meninggalkan kita.

Bagaimanapun, untuk tidak terus melupakan nama ini dalam lipatan sejarah, biografi pemimpin itu yang meninggal dunia sebagai pemangku Perdana Menteri pada 2 Ogos 1973 sangat penting dikenang dalam memainkan peranan berguna kepada negara.

Judul buku, *The Reluctant Politician: Tun Dr Ismail and His Time*, adalah sebuah biografi pertama yang memberi pengiktirafan kepada 'Bapa Pengasas' Malaysia yang paling disegani itu. Buku itu kini sudah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dengan tajuk *Bukan Kerana Pangkat*.


Ditulis Felo Institut Pengajian Asia Tenggara (ISEAS), Dr Ooi Kee Beng, hasil penelitian yang cukup lama berdasarkan penulisan peribadi Dr Ismail selain temuramah khusus bersama kawan, rakan sekerja, malah termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Ooi turut menemuramah Tun Ghafar Baba, Tun Musa Hitam, Tengku Razaleigh Hamzah, Lee Kuan Yew dan Robert Kuok dalam proses menghasilkan biografi itu. Antara yang diberi penekanan dalam buku itu ialah hubungan Malaysia dan Singapura, asal usul falsafah serantau Asia Tenggara, konflik dalaman Umno, hubungan MCA-Umno, rusuhan 13 Mei 1969 dan Dasar Ekonomi Baru.

Sumber bahan paling utama adalah daripada autobiografi yang belum disiapkan sendiri oleh Dr Ismail - manuskrip yang belum diterbitkan adalah antara hasil penulisan dalam simpanan serta jagaan anak lelakinya, Tawfik.

Buku itu juga antara lain mengupas beberapa perkara mengejutkan dan tidak diketahui ramai. Contohnya berkenaan kegagalan Dr Ismail dalam perbincangan dengan Presiden MCA, Tun Tan Siew Sin supaya tidak menarik diri daripada Kerajaan Perikatan pada 1969.

Pengunduran itu hanya bersifat sementara, tetapi Dr Ismail menyi-fatkan sebagai memberi peluang ke-



Mulai esok, Berita Harian menyiarkan rencana lima siri petikan daripada buku *Bukan Kerana Pangkat* mengenai kisah hidup Dr Ismail. Siri pertama esok memaparkan kisah bagaimana Tun Abdul Razak dan Dr Ismail merahsiakan penyakit yang mereka hadapi. - Pengarang



KENANGAN LALU: Tunku Abdul Rahman (tengah) dan Ismail pada 13 Julai 1962.

pada campur tangan pelampau yang mencetuskan isu perkauman sehingga berlakunya peristiwa 13 Mei.

Selain itu, ia mengingati kembali Dr Ismail terlepas peluang menjadikan perikatan sebagai parti berbilang kaum kerana idea berkenaan perkara itu sudah dibincangkan dengan Siew Sin pada lewat 1950.

Sebagai menunjukkan kesetiannya kepada Tunku Abdul Rahman, Dr Ismail menjadi antara pemimpin Umno berkeras mahukan Dr Mahathir Mohamad disingkirkan daripada Umno selepas memberikan kritikan ke-pemimpinan Tunku Abdul Rahman.

Diterbitkan oleh ISEAS, biografi ini menghuraikan pemikiran dan inspirasi perjalanan hidup Dr Ismail.

Ia menjelaskan penyertaan Dr Ismail yang sangat kental ke dalam kancah dunia politik; menggambarkan bagaimana seorang doktor muda sepertinya mendapati dirinya mempunyai peranan besar dalam

memperjuangkan kemerdekaan dan pembentukan Malaysia.


Secara keseluruhannya, beliau berjaya membuktikan komitmen luar biasa sebagai seorang pentadbir berprinsip serta mempunyai deria rasa yang kuat dalam membezakan yang mana baik dan buruk menentukan setiap keputusannya.

Perlu diketahui, pendekatan tegas yang diinsprasikannya menimbulkan rasa hormat yang amat mendalam di kalangan rakan mahupun musuh. Dalam sesetengah situasi, ia memberikan rasa takut kepada beberapa legenda terkenal Umno termasuk Tan Sri Syed Jaafar Albar.

Sebagai seorang pemimpin negara, Dr Ismail terbukti dengan sifat baik dan tidak mementingkan diri. Biografi ini berkongsi pelbagai rekod kepercayaan pelbagai kaum terhadapnya, kesederhanaan dan sikap adil serta ketegasannya dengan tidak bertolak ansur dengan isu rasuah.

Ismail dihormati

f 'Bapa Pengasas' Malaysia



(kiri) berbual dengan Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri, Ghazali Shafie

Sehinggakan pada satu ketika beliau dipanggil kembali daripada persaraannya untuk membabitkan diri dan menangani peristiwa 13 Mei bagi membolehkannya terus memberikan sumbangan pada ketika itu.

Peranannya sangat besar dalam memantap dan memulihkan negara memberikannya reputasi baik sebagai seorang lelaki yang membawa negara ini kembali ke landasannya, selain memberikan seluruh kehidupannya kepada negara.

Kemuncak kisah pada detik terakhir kehidupannya sebagai pemimpin yang berjuang dengan tahap kesihatan yang kurang baik serta rahsia yang amat dahsyat - iaitu Tun Abdul Razak Hussein menghidap penyakit yang boleh membawa maut.

Sebagai gambaran yang lebih jelas, buku ini turut menceritakan bagaimana Abdul Razak, ketika kembali ke negara daripada lawatan kerja selenas kematian Dr Ismail, berteriak

dalam nada putus asa "Siapa lagi yang boleh saya percayakan kini?"

Buku biografi Dr Ismail itu yang diterbitkan Institut Kajian Asia Tenggara dilancarkan bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Musa Hitam di Teluk Danga, Johor Bahru 22 Mac lalu. Buku setebal 300 muka surat itu dijual pada harga RM40 dan RM80.

Dalam ucapan pelancaran itu, Musa antara lain berkata, antara jasa Dr Ismail di negeri Johor adalah pembinaan Pelabuhan Johor dan Lapangan Terbang Sultan Ismail (LTSI) di Senai.

"Apa yang kita nikmati hari ini adalah sebahagian apa yang beliau sediakan. Sebagai pemimpin Melayu, beliau moden dan sentiasa suka berkembang maju. Beliau bukan Melayu lama walaupun tinggal dalam era itu yang tradisional dan konservatif," katanya.

Musa berkata, beliau kagum dengan Dr Ismail dan menjadikannya inspirasi serta idola dalam meniti kerjaya politiknya.

REAKSI

“ Pada saya, membaca buku ini membawa banyak nostalgia. Generasi baru perlu membacanya untuk memahami dan menghargai sejarah penting negara serta pengorbanan Dr Ismail”

Tun Musa Hitam
Bekas Timbalan Perdana Menteri

“ Buku ini menggambarkan Allahyarham Tun Dr Ismail sebagai pemimpin berpandangan jauh. Ia mengimbau semula kepemimpinan yang lebih cenderung berdasarkan integriti dan prinsip tanpa berat sebelah”

Tengku Razaleigh Hamzah
Ahli Parlimen Gua Musang

“ Sebelum buku ini diterbitkan, saya tidak memberi peluang langsung kepada ahli keluarga untuk melihat drafnya, kerana sudah pasti jika anda membenarkan mereka membaca draf, ia tidak diterbitkan”

Tawfik Ismail
Anak sulung

- 1915 - Lahir pada 4 November di Johor Bahru, anak kepada Abdul Rahman Yassin (1890-1970) dan Zahara Abu Bakar (meninggal pada 1936).
- 1922 - Memulakan pendidikan di Sekolah Bukit Zaharah, kemudian ke English College, Johor Bahru.
- 1936-1939 - Pengajian perubatan di Kolej Perubatan King Edward, Singapura.
- 1939-1945 - Pengajian perubatan di Queen's College, Universiti Melbourne, Australia
- 1945-1946 - Anak Melayu pertama menerima ijazah perubatan Universiti Melbourne. Pulang ke Malaya dan berkhidmat seketika di Jabatan Perubatan Johor.
- 1947-1953 - Berkhidmat sebagai doktor swasta di Johor Bahru.
- 1948-1954 - Dicalonkan ahli tidak rasmi Majlis Negeri Johor, kemudian ahli rasmi Majlis Mesyuarat Negeri Johor. Dipilih ahli Majlis Bandaran Johor Bahru.
- 1950 - Berumahtangga dengan Toh Puan Norashikin Seth (gelaran Neno, lahir 17 Januari 1930 di Johor Bahru). Mereka dikurniakan enam anak, dua perempuan dan empat lelaki.
- 1951 - Menyertai Umno selepas Datuk Onn Jaafar meletakkan jawatan dan Tunku Abdul Rahman menerajui parti.
- 1953 - Dilantik pada September menjadi ahli tidak rasmi Majlis Undangan Persekutuan di bawah pentadbiran Sir Gerald Templar. Menjadi Ahli Tanah, Galian dan Perhubungan atas permintaan Tunku Abdul Rahman. Berpindah sekeluarga ke Kuala Lumpur.
- 1954-1955 - Ahli Sumber Asli.
- 1955 - Memenangi pilihan raya Majlis Undangan Persekutuan bagi kerusi Johor Timur (dipilih lagi pada 1959, 1964 dan 1969). Dilantik menjadi Menteri Sumber Asli, menyusun asas pembentukan Felda pada Mei.
- 1956 - Dilantik menjadi Menteri Perdagangan dan Perusahaan oleh Ketua Menteri yang baru, Tunku Abdul Rahman Putra.
- 1957 (September) - 1959 (Februari) - Menjadi Menteri Berkuasa Penuh (tanpa jabatan), dan dihantar sebagai Duta Besar Malaya pertama ke Washington DC, Amerika Syarikat, dan Wakil Tetap Malaya pertama ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di New York.
- 1959 - Pulang dari Washington lalu menjadi Menteri Perdagangan dan Perusahaan. Memenangi pilihan raya Dewan Rakyat bagi kerusi Johor Timur dan dilantik Menteri Luar Negeri pada Ogos. Menteri Perniagaan dan Perdagangan dari 20 September hingga 17 November 1960.
- 1960 - Menjadi Menteri Keselamatan Dalam Negeri pada 16 November, juga pengerusi Suruhanjaya Siasatan mengenai Kedudukan Masyarakat Pelajar Malaya di UK dan Republik Ireland.

Tun Dr Ismail

- 1961 - Memikul tugas tambahan sebagai Menteri Dalam Negeri mulai 22 Februari. Wakil Persekutuan ke Majlis Keselamatan Dalam Negeri Singapura hingga 16 September 1963.
- 1962 - Mengetuai delegasi Sidang Ke-17 Perhimpunan Agung PBB.
- 1963 - Menjadi Pengerusi Lembaga Keselamatan Malaysia.
- 1964 - Menang sekali lagi, kerusi pilihan raya Johor Timur pada April. Dilantik menjadi Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman. Mengetuai delegasi Malaysia ke Majlis Keselamatan PBB bagi membahaskan pencerobohan Indonesia.
- 1965 - Lawatan ke Ibu Pejabat PBB di New York bersama isterinya, Neno. Menerima darjah kebesaran Grand Officer of the National Order of Vietnam daripada kerajaan Vietnam Selatan melalui delegasi yang melawat Malaysia.
- 1966 - Dr Ismail memulakan tahun baru dengan melawat Manila bagi menghadiri majlis pelantikan rasmi presiden Ferdinand Marcos. Orang pertama dianugerahkan darjah kebesaran Seri Setia Mahkota, membawa gelaran 'Tun'.
- 1967 - Jun, meletakkan jawatan Kabinet kerana masalah kesihatan. Dilantik ahli Lembaga Pengarah Malaysian Sugar Refineries dan Syarikat Guthries.
- 1968 - Berhasil menjalani rawatan kanser naso-farinks di Royal Marsden Hospital di London. Selepas pulang ke tanah air, membuka klinik swasta di Kuala Lumpur bersama sekumpulan doktor.
- 1969 - Diminta kembali menyertai kerajaan oleh Tun Razak selepas pilihan raya 10 Mei. Menjadi Timbalan Pengarah Gerakan, Majlis Gerakan Negara. Dilantik pada 12 Jun menjadi Menteri Dalam Negeri.
- 1970 - Berangkat ke London pada 3 Mac untuk pemeriksaan jantung. Ketika ketiadaannya, dianugerahkan Pingat Republik Indonesia Kelas Dua oleh Presiden Suharto yang melawat Kuala Lumpur.
- Pada September, Perdana Menteri baru, Tun Abdul Razak Hussein melantiknya menjadi timbalan.
- 1971 - Melawat Dubrovnik. Pergi ke Singapura pada September untuk mengkaji skim perumahan kos rendah. Ketika melawat Sabah pada Mei, dianugerahkan Sri Panglima Darjah Kinabalu. Berada di London pada 24 Oktober hingga 28 November untuk pemeriksaan kesihatan.
- 1972 - Menerima Anugerah Fellow Kehormat Institut Pengurusan Malaysia (MIM).
- 1973 - Mengambil alih jawatan Menteri Perdagangan dan Perusahaan pada 3 Januari. Khamis 2 Ogos, meninggal dunia akibat serangan jantung di rumahnya di Maxwell Road, Kuala Lumpur. Allahyarham disemadikan sebagai tokoh pertama di Makam Pahlawan pada Ahad 4 Ogos.